

**Perluaskan penerima Baitulmal – PM
Utusan Online
Ogos 25, 2011
Oleh ZULKIFLI JALIL dan HAKIMI ISMAIL**

PUTRAJAYA 25 Ogos – Datuk Seri Najib Tun Razak mahu penerima sumbangan daripada Baitulmal diperluaskan merangkumi kategori tertentu tanpa bersandarkan tafsiran yang sempit.

Perdana Menteri menarik perhatian bagaimana kumpulan pemandu teksi yang menjalani kehidupan mencabar mencari rezeki di bandar-bandar besar juga boleh dimasukkan dalam golongan lapan asnaf penerima Baitulmal.

“Kalau dia (pemandu teksi) berpendapatan bersih RM1,000 sebulan pun, di hujung bulan nanti pun tak ada apa padanya. Lagipun teksi itu bukan dia punya (sewa).

“Jadi, kumpulan ini patut diberi sumbangan (Baitulmal) bagi menghargai peranan mereka dalam negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyampaikan sumbangan Baitulmal berjumlah RM612,800 kepada 1,532 pemandu teksi Wilayah Persekutuan, veteran tentera dan badan beruniform di pekarangan Masjid Putra di sini, petang ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya Baitulmal dapat memenuhi keperluan kumpulan penerima baru berikutan sumbangan yang diterima bertambah dari tahun ke tahun.

Peningkatan hasil Baitulmal, kata beliau, disebabkan ekonomi umat Islam yang semakin berkembang luas.

“Kalau kita lihat Eropah pun mengalami kemelut ekonomi, tetapi ekonomi kita berkembang dengan baik. Jadi, marilah sama-sama kita berdoa semoga ekonomi kerajaan meningkat agar dapat terus menjalankan kebajikan untuk rakyat,” kata beliau.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0826&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_13.htm